

22 NOV 1999

Profil-Rosnah (Tanjong Dawai) (Fokus Berita)

ROSNAH DI TANJONG DAWAI IBARAT SELUANG PULANG KE LUBUK

Oleh: Mohd Razman Yaacob

ALOR SETAR, 22 Nov (Bernama) -- Seluang Pulang Ke Lubuk...Itulah perumpamaan yang paling tepat diberikan kepada calon Barisan Nasional (BN) bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Tanjong Dawai Rosnah Abdul Majid.

Kepulangannya kali ini dengan satu matlamat -- Untuk menerangkan kebenaran dan membersihkan kekeliruan di kalangan masyarakat.

Rosnah, 46, dilahirkan dan mendapat pendidikan awal di Tanjong Dawai sebelum berhijrah ke ibu negara ketika berusia 16 tahun sehinggalah menamatkan pendidikannya di Universiti Malaya dalam jurusan ekonomi.

Wanita gagah itu memulakan kerjayanya sebagai wartawan di Utusan Melayu pada 15 Jan 1977 dan menamatkan perkhidmatan yang boleh dianggap cemerlang pada 15 Jan 1997, iaitu genap 20 tahun.

Rosnah kembali ke pangkuan masyarakat kawasannya dua tahun lepas dan sejak itulah bakat kepimpinannya semakin terserlah sehingga namanya muncul sebagai calon BN pada pilihan raya umum ke-10 ini.

Anak bongsu daripada empat sekeluarga yang semuanya perempuan berkata, masyarakat tidak boleh melihat dirinya sebagai calon wanita tetapi sebaliknya hendaklah menganggap sebagai calon BN.

"Saya tidak berminat jika dilihat sebagai calon wanita. Saya mahu jadi calon BN," kata Ketua Wanita Umno Bahagian Merbok itu ketika ditemui di kediamannya di Kampung Sungai Pial di Tanjong Dawai, hari ini.

Dalam pilihan raya kali ini, lima calon wanita termasuk Rosnah bertanding untuk BN di Kedah. Mereka yang lain ialah Barishah Saad (DUN Tunjang), Siti Meriam Salleh (DUN Belantek), Marlia Abdul Latiff (DUN Merbau Pulas) dan Lim Bee Kau (Parlimen Padang Serai).

Namun, penerima anugerah Nieman Fellow dari Universiti Harvard, Amerika Syarikat pada 1988 itu menegaskan beliau amat berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana memilihnya sebagai calon.

"Ini satu penghormatan kepada wanita. Saya sedar akan tanggungjawab besar sebagai wakil rakyat sekiranya terpilih dan bersedia untuk memikulnya," katanya yang yakin BN akan mengekalkan kerusi itu pada pilihan raya ini.

Rosnah berkata beliau sudah mula mendekati masyarakat di Tanjong Dawai dua tahun lepas dan berjanji akan terus menyambung agenda pembangunan seperti yang dirancang untuk kesejahteraan semua.

Pada pilihan raya 1995, calon BN Badri Yunus menewaskan calon PAS Mohd Yusof Omar dengan majoriti 4,575 undi. Kali ini, Omar sekali lagi mencuba nasib dengan mencabar Rosnah.

Rosnah berkata amat penting BN memperolehi majoriti dua pertiga pada pilihan raya ini untuk membentuk sebuah kerajaan yang stabil dan kuat yang mampu meneruskan agenda pembangunan.

Katanya, pembangkang kali ini agak agresif dan terdesak dan masyarakat keliru dengan pelbagai dakwaan yang dilakukan mereka.

"Saya gunakan kesempatan ini dengan membetulkan kekeliruan itu semasa berkempen," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung Sungai Pial, Abdul Ghani Awang berkata beliau yakin BN akan mengekalkan kerusi Tanjong Dawai kali ini.

Abdul Ghani, 69, yang telah mengundi sejak 1955 berkata beliau mengharapkan pembangunan di kawasan itu akan berterusan sekiranya Rosnah terpilih.

DUN Tanjong Dawai yang mempunyai 20,588 pengundi berdaftar merupakan salah satu daripada tiga kawasan di bawah Parlimen Merbok. Dua lagi ialah Bukit Selambau dan Gurun.

-- BERNAMA

MAN MFJ PR